

ANALISIS KEBERKESANAN KURSUS MODUL BERSEPADU PASCA PERKAHWINAN ISLAM TERHADAP PERHUBUNGAN SUAMI ISTERI DI NEGERI SELANGOR

THE EFFECTIVENESS OF THE INTEGRATED POST-MARRIAGE ISLAMIC MODULE COURSE ON HUSBAND-WIFE RELATIONSHIPS

Nur Faezah Musthapar^{1*}, Bahiyah Ahmad² & Mohd Rizal Muwazir³

¹Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, faezahmusthapar@gmail.com

²Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, bahiyah_api@um.edu.my

³Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, mrmkl@um.edu.my

* Penulis Penghubung

Abstrak

Objektif utama Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam adalah untuk mengatasi konflik dalam hubungan suami isteri di Malaysia. Ini berikutan pelbagai isu yang semakin membimbangkan seperti peningkatan kes penceraian, keganasan rumah tangga dan pembunuhan. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan kursus tersebut dalam memperkuuh hubungan suami isteri. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian ini mengadaptasi Model Kirkpatrick yang mengukur keberkesanan kursus pada empat tahap iaitu reaksi, pembelajaran, tingkah laku dan hasil. Seramai 104 peserta kursus anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah terlibat sebagai sampel kajian. Data dikumpul melalui soal selidik dan temu bual, kemudian dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ANOVA sehalia dan korelasi Spearman manakala temu bual dianalisis melalui kaedah analisis tematik. Dapatkan statistik deskriptif menunjukkan bahawa keberkesanan kursus paling tinggi berada pada tahap tingkah laku ($\text{min}=5.83$), diikuti tahap hasil ($\text{min}=5.79$), tahap reaksi ($\text{min}=5.73$) dan tahap pembelajaran ($\text{min}=5.51$). Hasil analisis ANOVA menunjukkan bahawa hanya demografi bilangan anak memberikan perbezaan yang signifikan terhadap tahap reaksi, tingkah laku dan hasil. Sementara itu, analisis korelasi mendapati hubungan paling kuat berlaku antara tahap reaksi dan pembelajaran. Kajian ini merumuskan bahawa kursus berkenaan berjaya mengukuhkan hubungan suami isteri namun penambahbaikan pada aspek pengisian modul dan pelaksanaan kursus adalah diperlukan.

Kata kunci

Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam, Keberkesanan, Perhubungan Suami Isteri

Abstract

The main objective of the Integrated Post-Marriage Islamic Course Module is to address conflicts within marital relationships in Malaysia. This is in response to the increasing issues such as rising divorce rates, domestic violence, and spousal homicide. This study aims to evaluate the effectiveness of the course in strengthening marital relationships. To achieve this, the study adapts the Kirkpatrick Model, which measures course effectiveness across four

levels: reaction, learning, behavior, and results. A total of 104 participants from the Islamic Religious Department of Selangor (JAIS) took part in the study. Data were collected through questionnaires and interviews, then analyzed using descriptive statistics, one-way ANOVA, and Spearman correlation, while interview data were analyzed thematically. Descriptive statistics revealed that the highest effectiveness was observed at the behavior level (mean=5.83), followed by the results level (mean=5.79), reaction level (mean=5.73), and learning level (mean=5.51). The ANOVA analysis indicated that only the demographic variable of number of children showed a significant difference in reaction, behavior, and results levels. Meanwhile, the strongest correlation was found between reaction and learning levels. The study concludes that the course successfully strengthens marital relationships, though improvements in module content and course delivery are recommended.

Keywords

Integrated Post-Marriage Islamic Course Module, Effectiveness, Marital Relationship

1.0 Pendahuluan

Kursus Pasca Perkahwinan Islam dilaksanakan bagi mengukuhkan hubungan suami isteri dan mengurangkan kadar penceraian di negara ini. Ia dikendalikan oleh Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dengan menggunakan Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam terbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Pelaksanaan kursus ini bertitik tolak daripada situasi semasa negara yang sedang berhadapan dengan krisis kemanusiaan dalam institusi kekeluargaan.

Beberapa insiden tragis turut memburukkan keadaan termasuk kes pembunuhan melibatkan pasangan suami isteri beragama Islam. Antaranya ialah insiden pada 8 April 2023 di Kota Kinabalu apabila seorang suami menikam isterinya hingga maut akibat cemburu (Ercy Gracella Ajos, 2023). Di Dungun, Terengganu pula, seorang lelaki membunuh isterinya dengan memukul hingga mati kerana tekanan kewangan. Satu lagi kes berlaku di Simpang Empat, Perlis apabila seorang anggota polis berpangkat Lans Koperal menembak isterinya pada 5 Mac.

Media massa turut melaporkan peningkatan kes penceraian saban hari. Statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mencatatkan sebanyak 45,420 kes penceraian dalam kalangan umat Islam sepanjang tahun 2021 (Nur Iftithar Rozlan, 2023). Antara punca utama penceraian termasuk kecurangan (Noorazura Abdul Rahman, 2023), pengabaian nafkah zahir dan batin (Aqilah Mior Kamarulbaid, 2022), masalah komunikasi (Latifah Arifin, 2021), tekanan kewangan (Hamid Mohamad et al., 2021) serta kelemahan dalam didikan agama (Rosalinda Md. Said, 2022).

Situasi ini menunjukkan berlakunya pengabaian terhadap prinsip perhubungan suami isteri yang digariskan oleh Islam iaitu prinsip *mu'asharah bil ma'ruf*. Justeru, kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan Kursus Pasca Perkahwinan Islam dalam memperkuuh semula hubungan suami isteri.

2.0 Kajian Literatur

2.1 Kajian Tentang Isu-Isu Perhubungan Suami Isteri

Terdapat pelbagai kajian berkaitan hubungan suami isteri yang telah dijalankan oleh para sarjana. Salah satu daripadanya ialah kajian oleh Hamid Mohamad et al. (2021) yang meneliti pencetus utama konflik perkahwinan dalam kalangan pasangan muda. Hasil kajian mendapati bahawa antara punca utama kepada masalah rumah tangga termasuklah krisis kewangan, masalah komunikasi dan campur tangan keluarga.

Krisis kewangan berlaku apabila pendapatan semakin berkurang manakala komitmen pula meningkat sehingga perbelanjaan melebihi kemampuan dan beban hutang bertambah. Masalah komunikasi pula berpunca daripada teknik komunikasi yang lemah seperti kegagalan mendengar dengan baik, sikap cepat menghukum dan membuat kesimpulan, komunikasi satu hala, tidak berterus terang serta kecenderungan mengelak perbincangan (Hamid Mohamad et al., 2021).

Campur tangan keluarga turut dikenal pasti sebagai pencetus utama konflik, khususnya apabila ibu bapa atau ibu bapa mertua terlibat dalam urusan rumah tangga pasangan. Keadaan menjadi lebih rumit apabila mereka tinggal bersama, bersikap mengongkong, mengkritik, menyindir, menyalahkan, memburukkan serta sering membanding-bandangkan menantu. Tekanan sebegini boleh membawa kepada penceraian dan menjelaskan kesihatan mental (Hamid Mohamad et al., 2021).

Situasi yang digambarkan ini jelas menunjukkan berlakunya pengabaian terhadap konsep hubungan suami isteri yang baik dalam Islam iaitu prinsip *mu'āsharah bil ma'rūf*.

2.2 Kajian tentang Keberkesanan Kursus Pasca Perkahwinan Islam

Beberapa kajian telah dilakukan mengenai keberkesanan kursus pasca perkahwinan di Malaysia. Rosman Md. Yusoff et al. (2011) dalam kajian mereka terhadap Kursus Keluarga Sakinah di Johor, mendapati bahawa kursus tersebut berkesan dalam menangani masalah keluarga dan berpotensi memperkuuh institusi kekeluargaan. Namun begitu, beberapa penambahbaikan dicadangkan, antaranya buku panduan kursus perlu diedarkan secara percuma kepada semua peserta, kandungan modul pengurusan dan pembangunan keluarga perlu diperkuuhkan, penyampaian modul hendaklah disesuaikan mengikut kumpulan sasaran, penjadualan program dan masa perlu lebih sistematis, penyebaran maklumat kursus kepada masyarakat perlu dipergiat, penceramah disaran menggunakan ICT secara kreatif dan kualiti penyampaian mereka perlu ditingkatkan.

Sharifah Nur Nusrah dan Suhaili (2018) pula meneliti aspek pengurusan kewangan keluarga dalam kursus pra perkahwinan. Mereka berpendapat bahawa penceramah perlu mempunyai latar belakang dalam pengurusan kewangan Islam, memahami teori atau konsep pengurusan kewangan, serta mengetahui akta perundangan yang berkaitan. Di samping itu, pihak berwajib disarankan memantau

intipati yang disampaikan agar kekal selari dengan garis panduan JAKIM. Mereka juga mencadangkan agar kursus berkala selepas perkahwinan turut diadakan.

Selain itu, kajian Rosman Md. Yusoff et al. (2011) berkaitan keberkesanan penggerak program Modul Keluarga Sakinah di Johor menunjukkan bahawa tahap pengetahuan responden terhadap modul tersebut adalah tinggi. Namun, keberkesanan penyampaian oleh penggerak hanya berada pada tahap sederhana.

Secara keseluruhan, kajian-kajian terdahulu telah menyentuh pelbagai aspek berkaitan pelaksanaan, permasalahan dan keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam. Walau bagaimanapun, keberkesanan Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam (MBPPI) terbitan JAKIM masih kurang diberi perhatian oleh para pengkaji. Justeru, kajian ini bertujuan menilai keberkesanan MBPPI khususnya dari sudut sama ada kursus tersebut mampu memperbaiki semula hubungan suami isteri atau sebaliknya.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan gabungan kuantitatif dan kualitatif. Bagi kaedah kuantitatif, data dikumpulkan melalui soal selidik manakala bagi kaedah kualitatif, data diperoleh melalui temu bual. Sampel kajian melibatkan 104 peserta Kursus Pasca Perkahwinan Islam Fasa Bulan Madu (tempoh lima tahun pertama perkahwinan) anjuran JAIS bagi tahun 2016, 2017 dan 2019. Sementara itu, seramai sembilan orang peserta kursus daripada tahun yang sama dipilih untuk sesi temu bual menggunakan kaedah persampelan bertujuan.

Temu bual ini dilaksanakan bagi mengukuhkan daptan yang diperoleh daripada soal selidik. Data daripada soal selidik dianalisis menggunakan ujian statistik deskriptif, ANOVA Sehala dan Korelasi Spearman. Seterusnya, data temu bual dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti pola maklumat yang relevan dengan objektif kajian.

4.0 Hasil Kajian Dan Perbincangan

4.1 Latar Belakang Responden

Seramai 104 orang peserta Kursus Pasca Perkahwinan Islam di bawah anjuran JAIS telah menjadi responden dalam kajian ini. Dari segi jantina, majoriti responden adalah perempuan ($n = 71$ orang, 68.3%) berbanding lelaki ($n = 33$ orang, 31.7%).

Berdasarkan umur, kebanyakan responden berumur antara 31 hingga 35 tahun iaitu seramai 46 orang (44.2%). Dalam aspek kelayakan akademik, responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda merupakan kumpulan terbesar iaitu 51 orang (49.0%). Manakala bagi latar belakang pendidikan agama, bilangan yang sama ($n = 51$ orang, 49.0%) telah menerima pendidikan agama di peringkat sekolah rendah agama.

Dari segi kerjaya, kebanyakan responden merupakan kakitangan kerajaan iaitu seramai 36 orang (34.6%). Bagi bilangan anak pula, 47 orang (45.2%) mempunyai antara satu hingga dua orang anak. Akhir sekali, dalam aspek pendapatan bulanan, majoriti responden ($n = 26$ orang, 25.0%) berpendapatan antara RM3,001 hingga RM4,000.

4.2 Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus Pasca Perkahwinan Islam

4.2.1 Tahap Reaksi (Penyampaian Penceramah)

Jadual 1 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi item-item dalam elemen penyampaian penceramah yang termasuk dalam pembolehubah reaksi. Hasil analisis mendapatkan bahawa kebanyakan nilai min berada pada tahap yang tinggi.

Item dengan nilai min tertinggi ialah "penyampaian penceramah mudah difahami", iaitu 6.03. Ini diikuti oleh item "penceramah menjadi faktor kejayaan kursus" dengan nilai min 5.88. Item ketiga tertinggi ialah "penceramah menggunakan komunikasi dua hala semasa menyampaikan kursus" yang mencatatkan nilai min sebanyak 5.84. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa para responden berpuas hati dengan mutu penyampaian penceramah dalam kursus yang dihadiri.

Jadual 1: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Penyampaian Penceramah dalam Pembolehubah Reaksi

Items	Min	Sisihan Piawai
Penyampaian penceramah mudah difahami	6.03	.794
Penceramah menggunakan pelbagai kaedah untuk meningkatkan kefahaman peserta	5.78	1.114
Penceramah menjadi faktor kejayaan kursus	5.88	1.135
Saya berpuas hati dengan penyampaian penceramah dalam semua slot kursus	5.72	1.127
Penceramah menggunakan komunikasi dua hala semasa menyampaikan kursus	5.84	1.025

Hal ini disokong oleh hasil dapatan temu bual menunjukkan bahawa informan IP2 berpuas hati dengan ceramah yang dihadiri khususnya dari segi penyampaian penceramah yang jelas dan menarik. Berikut merupakan petikan pandangan informan tersebut:

"Iya, ceramah ni sangat jelas penyampaiannya. Kelas pun tak sunyi pada waktu tu, ramai yang bagi respond. Saya puas hati dengan ceramah tu. Bahagian paling saya suka ialah praktikkan komunikasi unggul dan mewujudkan suasana ibadah dalam rumah tangga. Pengalaman yang gembira join kursus tu".(Informan IP2)

4.2.2 Tahap Reaksi (Kandungan Modul)

Jadual 2 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen kandungan modul dalam pembolehubah reaksi. Hasil analisis mendapat bahawa semua item mencatatkan min pada tahap tinggi. Item tertinggi ialah “pengurusan psikologi dalam keluarga boleh dijadikan panduan untuk diamalkan dalam rumah tangga” dengan nilai min 5.90, diikuti oleh “pengurusan stres melalui ibadah membantu saya menghadapi masalah keluarga” dengan nilai min 5.81. Secara keseluruhan, tahap reaksi responden terhadap kandungan modul adalah positif.

Jadual 2: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Kandungan Modul dalam Pembolehubah Reaksi.

Items	Min	Sisihan Piawai
Objektif modul adalah jelas	5.74	.985
Pengurusan kesihatan keluarga yang disampaikan oleh penceramah bersesuaian dengan tahap umur saya	5.74	1.033
Pengurusan kewangan keluarga membantu saya menguruskan kewangan dengan baik	5.49	1.277
Pengurusan psikologi dalam keluarga boleh dijadikan panduan untuk diamalkan dalam rumah tangga	5.90	1.019
Pengurusan stress melalui ibadah membantu saya menghadapi masalah keluarga	5.81	1.141

Hal ini disokong oleh hasil dapatan temu bual yang mendapat bahawa majoriti informan menyatakan bahawa mereka memperoleh ilmu daripada kursus tersebut. Berikut merupakan salah satu petikan pendapat daripada informan IP2:

“Perkahwinan dulu saya tak pernah merancang, anak pun rapat, selang setahun. Bila berkahwin semula selepas umur 36 tahun, saya teringin ada anak dengan suami baru saya. Jadi saya memberi fokus pada kesihatan seksual dan cara mengira hari-hari subur supaya dapat segera mengandung. Selain dari tu, pemakanan sihat dalam keluarga dapat menambah baik cara makan saya sekeluarga. Alhamdulillah selepas 2 bulan pulang dari kursus, saya mengandung. Kiranya dari kursus tu saya faham, mengandung bukan berdasarkan kekerapan hubungan seksual sahaja tapi harus tahu waktu yang sesuai, yang subur, perlu menjaga cara pemakanan juga. Ceramah tersebut mengubah persepsi saya tentang cara mudah hamil”.(Informan IP2)

Informan IP2 menyatakan bahawa ceramah mengenai pengurusan kesihatan keluarga telah mengubah persepsi tentang kehamilan. Melalui kursus tersebut, beliau memahami bahawa mendapatkan anak bukan sekadar bergantung pada kekerapan hubungan intim tetapi juga perlu mengetahui waktu subur pasangan serta menjaga pemakanan harian. Ini menunjukkan bahawa Informan IP2 memperoleh ilmu baharu dan dapat memahaminya dengan baik. Pandangan ini turut dikongsi oleh Informan IL3 yang menyatakan bahawa beliau mendapat pengetahuan berkaitan kesuburan dan pemakanan. Berikut merupakan petikan pendapatnya:

“Dalam pengurusan kesihatan ini diterapkan ilmu penjagaan kesihatan keluarga demi melahirkan generasi yang sihat dan nak tahu pasal kesuburan. Ye betul. Memang ada perubahan sebelum dan selepas terutama dari segi penambahan ilmu. Alhamdulillah. Ye sebab saling berkait. Pemakanan memainkan peranan dalam perhubungan”.(Informan IL3)

Selain itu, dalam ceramah pengurusan stress melalui ibadah, dapatan kajian daripada temu bual menunjukkan bahawa terdapat tiga tema yang dihasilkan iaitu menjadikan Allah SWT sebagai tempat mengadu utama, menyedari setiap masalah rumah tangga adalah ujian dan pelaksanaan ibadat dengan cara yang betul.

Menurut Informan IP1, ibadah yang dilakukan mampu menenangkan jiwa berbanding berkongsi masalah rumah tangga dengan orang lain. Berikut merupakan pandangan informan tersebut:

“InsyaAllah bila kita dekatkan diri kita dengan Allah, akan lebih tenangkan, kita solat, kita selawat, kita mengaji tapi kena betul-betul yang sampai ke hati, masa tu suami pun tengah tidur, kita mengadu dekat Allah tapi biasalah kadang-kadang kita manusia suka bercerita dekat orang tapi rupanya lebih baik kita mengadu pada Allah kan, takkan ada siapa pun nak balas balik dekat kita, apa yang kita cerita tu, ha dah tua-tua macam gini barulah sedar”(Informan IP1)

Informan IL2 dan IL4 menyatakan bahawa ceramah pengurusan stres menekankan kepentingan suami isteri saling menjaga hubungan dengan Allah SWT. Mereka berpandangan bahawa pertolongan Allah SWT akan sentiasa bersama dengan individu yang memelihara hubungan dengan-Nya. Berikut merupakan petikan pandangan para informan:

“Saya belajar dalam ceramah ni, pentingnya suami isteri jaga hubungan dengan Allah. Apabila jaga hubungan dengan Allah, Allah akan jaga hati suami dan isteri, hubungan pun akan ok. Kalau ada masalah pun, kalau stress pun, masih ok. Tak jauh tersasar. Saya belajar jugak kaedah paling berkesan untuk hadapi stress. Contohnya banyakkan doa hmmmm minta bantuan Allah untuk selesaikan masalah sebab kita memang tak mampu, bertaubat sebab kadang masalah datang sebab dosa-dosa sendiri”.(Informan IL2)

“Saya belajar kalau ada masalah rumah tangga, mula-mula sekali kena kembali kepada agama dan tengok balik hubungan kita dengan Allah macam mana. Ya betul. Kembali kepada Allah. Walau apa juga keadaan. InsyaAllah stress tu kita rasa biasa je”.(Informan IL4)

Penemuan kajian turut menunjukkan bahawa informan IP2 menyedari masalah rumah tangga merupakan satu bentuk ujian. Kesedaran ini membantunya mengawal tekanan yang dihadapi. Berikut merupakan pandangannya:

“Saya faham bahawa apa-apa yang berlaku, saya letakkan ia sebagai ujian saya. Ya salah saya juga, dari kesilapan saya juga dan yang saya kena selalu sematkan yang bagi ujian ialah Allah. Jadi kena back to Allah semula tapi bukan pasrah macam tu. Kena jugak usaha cari jalan nak selesai masalah tapi sekurang-kurangnya saya ngadu pada Allah, hati saya lebih tenang sikit. Itu bahagian saya sendiri lah”(Informan IP2)

Informan IL3 menyatakan bahawa ibadah merupakan kaedah paling berkesan untuk mengawal tekanan. Dalam kursus tersebut, solat ditekankan sebagai satu bentuk ibadah utama kerana ia berfungsi seperti senaman fizikal yang mampu membantu mengurangkan tekanan. Berikut merupakan petikan pandangan informan tersebut:

“Saya belajar ibadah ialah cara paling berkesan untuk kawal stress. Ya, dalam ibadah itu sendiri, terutama solat adalah masa kita berehat, secara langsung juga, setiap pergerakan solat itu adalah senaman untuk badan kita, di mana senaman fizikal adalah salah satu cara untuk mengurangkan stress”.(Informan IL3)

Pandangan ini turut disokong oleh informan IL1 yang menyatakan bahawa tekanan berlebihan dapat dikawal melalui pelaksanaan ibadah. Berikut merupakan petikan pendapat beliau:

“Stress ni normal lah, nama pun manusia. Cuma berlebihan boleh mudarat, ringkas cerita kena dikawal dan melalui ibadahlah stress berlebihan dapat dihindarkan”(Informan IL1)

Bagi ceramah pengurusan psikologi, hasil dapatan temu bual mendapati bahawa terdapat dua tema yang dihasilkan iaitu kestabilan emosi dan pengekalan hubungan harmoni.

Hasil kajian menunjukkan bahawa informan IP1 memperoleh pengetahuan tentang cara mengenali dan memahami perubahan emosi pasangan. Aktiviti seperti menutup mata bersama pasangan dan berjalan bergandingan memberi pengajaran tentang pentingnya menghargai pasangan dan menyedari bahawa suami isteri saling memerlukan antara satu sama lain. Berikut merupakan petikan pandangannya:

“Seingat akak, lebih kepada kenali emosi kita dan pasangan dalam rumah tangga, hargai pasangan kita. Janganlah kita malukan pasangan kita. Ada buat aktiviti dalam kursus tu, ikat, tutup mata, bergandingan, berjalan itu semua kan. Dari situlah kesimpulan dia, kita memerlukan di antara satu sama lain walau dalam keadaan kita yang gelap macam mana sekalipun, dalam keadaan susah payah untuk kita berjalan dalam aktiviti tu. Memahami dan menghargai, pasti bahagia, insyaAllah”.(Informan IP1)

Informan IL3 juga menjelaskan bahawa beliau mempelajari cara menjaga kestabilan emosi ketika berinteraksi dengan pasangan. Berikut adalah petikan pandangannya:

“Dalam pengurusan psikologi, yang saya ingat adalah memastikan kestabilan emosi demi kebahagiaan pasangan”.(Informan IL3)

Di samping itu, Informan IL2 menyatakan bahawa dalam pengurusan psikologi, beliau mempelajari cara membina hubungan harmoni dengan sentiasa memperbaharui niat berkahwin kerana Allah SWT dan mengamalkan sunnah Rasulullah SAW. Berikut adalah pandangan informan tersebut:

“Ceramah tu bagitahu macam mana nak harmonikan hubungan. Yang paling saya ingat, mula-mula belajar ikhlaskan niat berumah tangga kerana Allah. Dari niat tu, akan muncul ikhlas terima pasangan seadanya. Lepas tu, ambil contoh mudah-mudah je yang Rasulullah SAW amalkan dalam keluarga seperti solat berjemaah, makan berjemaah, banyak bergurau dengan pasangan, banyakkan bersabar dan jangan cepat marah. Alhamdulillah ada perubahan”.(Informan IL2)

Informan IP5 menyokong kenyataan ini dengan menjelaskan bahawa ceramah tersebut mengajar cara mengekalkan kasih sayang sepanjang perkahwinan. Antara petikan informan tersebut:

“Saya ada belajar, kalau tak silap saya dan seingat saya, hmmmm, tentang tanggungjawab masing-masing. Saya belajar cara nakkekalkan kasih sayang sepanjang perkahwinan”.(Informan IP5)

Dalam ceramah pengurusan kewangan, hasil dapatan daripada temu bual mendapati bahawa terdapat satu tema yang diperolehi iaitu pengagihan perbelanjaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa informan IP2 mempelajari tentang pengagihan perbelanjaan termasuk mendahuluikan keperluan berbanding kehendak dan membuat simpanan. Berikut merupakan petikannya:

“Seingat saya, saya belajar cara nak urus kewangan yang perlu diagihkan kepada ahli keluarga, macam mana nak berbelanja

dengan baik. Dua benda yang diajar, belanja ikut kemampuan iaitu dahulukan keperluan berbanding kehendak dan menabung. Boleh buat yang ni, kira ok".(Informan IP2)

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti suami isteri memberikan tanggapan positif terhadap isi kandungan modul bersepadu kursus perkahwinan Islam. Penemuan ini selaras dengan kajian Azizah Mohd Rapin et al. (2022) yang menyimpulkan penyediaan modul dalam format infografik mampu menarik minat dan perhatian peserta kursus perkahwinan serta memudahkan mereka memahami maklumat yang disampaikan oleh penceramah atau fasilitator.

4.2.3 Tahap Reaksi (Pengurusan Kursus)

Jadual 3 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi item dalam elemen pengurusan kursus di bawah pembolehubah reaksi. Hasil analisis mendapat nilai min tertinggi diperoleh bagi item "makanan dan minuman yang disediakan mencukupi" iaitu sebanyak 6.03. Semua item lain juga mencatatkan nilai min yang tinggi, menggambarkan bahawa majoriti responden berpuas hati terhadap aspek pengurusan kursus.

Jadual 6: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pengurusan Kursus dalam Pembolehubah Reaksi.

Items	Min	Sisihan Piawai
Masa yang diperuntukkan untuk setiap slot adalah sesuai	5.48	1.300
Kursus dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan	5.88	.832
Penginapan kursus yang disediakan adalah selesa	5.88	1.212
Makanan minuman yang disediakan mencukupi	6.03	1.186

4.2.4 Tahap Pembelajaran (Pengetahuan dan Kemahiran Asas)

Jadual 4 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen pengetahuan dan kemahiran asas dalam pembolehubah pembelajaran. Hasil analisis mendapat bahawa nilai min tertinggi diperoleh bagi item "saya mendapat ilmu baru daripada kursus" iaitu sebanyak 5.87. Semua item lain juga menunjukkan nilai min yang tinggi. Dapatkan ini membuktikan bahawa majoriti responden menerima dan mempelajari ilmu baru daripada kursus tersebut.

Jadual 4: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pengetahuan & Kemahiran Asas dalam Pembolehubah Pembelajaran.

Items	Min	Sisihan Piawai
Saya mendapat ilmu baru daripada kursus	5.87	1.141
Saya menjalani kehidupan berumah tangga berdasarkan ilmu yang diperolehi semasa kursus	5.49	1.262
Saya seronok mengamalkan ilmu yang diperolehi dari kursus	5.70	1.206
Ilmu yang dipelajari memberi semangat baru kepada saya untuk menjadi lebih baik dalam keluarga	5.82	1.095

4.2.5 Tahap Tingkah Laku (Penyesuaian Perkahwinan melalui Nilai-Nilai Agama)

Jadual 5 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai untuk item bagi elemen penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama dalam pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapati bahawa kebanyakan item menunjukkan nilai min yang sangat tinggi. Item dengan nilai min tertinggi (6.57) ialah “saya bersyukur kepada Allah SWT kerana mengurniakan pasangan hidup kepada saya”, diikuti “saya mengetahui tanggungjawab saya sebagai seorang suami/isteri berdasarkan perintah agama” dengan nilai min 6.48. Nilai min ketiga tertinggi (6.43) pula dicatatkan bagi item “saya menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam kehidupan berumah tangga”. Dapatkan ini menunjukkan bahawa responden melakukan perubahan positif dalam penyesuaian diri melalui nilai-nilai agama selepas menyertai kursus tersebut.

Jadual 5: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Penyesuaian Perkahwinan melalui Nilai-Nilai Agama dalam Pembolehubah Tingkah Laku.

Items	Min	Sisihan Piawai
Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana mengurniakan pasangan hidup kepada saya	6.57	.911
Untuk diisi oleh suami sahaja: Saya mengetahui tanggungjawab saya sebagai seorang suami berdasarkan perintah agama Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya mengetahui tanggungjawab saya sebagai seorang isteri berdasarkan perintah agama	6.48	.881
Saya mengamalkan ajaran agama secara berterusan dalam kehidupan seharian	6.41	.796

Saya menjadikan Rasulullah SAW sebagai contoh ikutan dalam kehidupan berumah tangga	6.43	.801
Saya mengamalkan solat fardhu secara berjemaah bersama keluarga	6.12	1.168

Hal ini disokong oleh hasil dapatan kajian daripada temu bual yang menunjukkan terdapat empat tema yang diperoleh dalam penyesuaian diri dengan perkahwinan iaitu toleransi, kualiti masa bersama keluarga, kestabilan emosi dan kebergantungan kepada Allah SWT. Penemuan kajian mendapati bahawa informan IP1 melakukan penyesuaian diri dengan bertolak ansur melalui perbincangan. Berikut merupakan pandangannya:

“Penyesuaian diri, kita jangan fikirkan perangai kita je, dia punya fikiran perangai dia je, jangan fikirkan kehendak diri masing-masing aje kan, jadi kita kena sama-sama berbincang, ha macam tu lah, jadi kena sama-sama tolak ansur, jadi insyaAllah lah boleh”.(Informan IP1)

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa informan IL3 menyesuaikan diri dalam perkahwinan dengan meluangkan lebih banyak masa bersama keluarga. Berikut merupakan pandangannya:

“Oh antara yang ketara, sebelum kawin saya suka lepak dengan kawan di kedai makan dan kadang-kadang sampai lewat malam. Ini yang saya ubah terutama setelah saya bergelar bapa. Betul. Peruntukan masa perlu dilebihkan untuk keluarga walaupun ada curi sikit untuk me time”.(Informan IL3)

Penemuan kajian mendapati bahawa informan IL4 menyesuaikan diri dalam perkahwinan dengan lebih banyak bertenang sebelum mengambil sebarang tindakan. Berikut merupakan petikan pandangannya:

“Ya betul, yang ini sudah semestinya puan. Saya lebih banyak bertenang, cool dulu sebelum bertindak. Banyak juga diamkan diri dulu bila isteri membebek, saya banyak senyap, walaupun saya rasa macam tak betul je apa yang dia cakap”.(Informan IL4)

Pandangan ini disokong oleh informan IL2 yang menyatakan bahawa beliau lebih banyak bersabar terhadap tingkah laku pasangan dan sering bergurau dengan isteri bagi menceriakan suasana rumah tangga. Berikut merupakan pandangannya:

“Kalau penyesuaian diri, saya lebih banyak sabar dengan pasangan, cuba ceriakan suasana. Saya cuba untuk banyak bergurau, mesra-mesra sikit, macam tu la”.(Informan IL2)

Rasulullah SAW gemar bergurau senda dengan isterinya kerana perbuatan itu mampu menghiburkan hati dan menceriakan suasana rumah tangga. Diriwayatkan daripada 'Ā'ishah r.a, beliau berkata:

Terjemahan: Aku melihat Nabi SAW menutupi pandanganku dengan pakaianya sementara aku melihat ke arah orang-orang Habsyah yang sedang bermain di dalam masjid sampai aku sendirilah yang merasa puas kerana seboleh mungkin kalian boleh menjadi seperti gadis belia yang suka bergurau.

(Riwayat al-Bukhari, 5236)

Penemuan kajian menunjukkan bahawa informan IP4 menyesuaikan diri dalam perkahwinan dengan meletakkan sepenuh pergantungan hidup kepada Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam petikan berikut:

"Saya buat (penyesuaian perkahwinan). Kadang-kadang hubungan saya dan suami tak ok, saya serabut sangat. Jadi saya selalu tanamkan dalam diri, tak pe lah. Saya selalu ingat ni ujian saya dalam rumah tangga saya. Orang lain pun ada ujian pasangan juga tapi tak cerita je. Lama-lama dengan sendirinya ok".(Informan IP4)

Salah satu indikator hubungan suami isteri yang baik berdasarkan Surah ar-Rūm ayat 21 ialah kemampuan kedua-duanya merasai ketenangan (sakīnah). Ketenangan merupakan kurniaan Allah SWT yang hanya diberikan kepada mereka yang beriman. Perkara ini dijelaskan dalam Surah at-Tawbah ayat 26: "Kemudian Allah menurunkan semangat tenang tenteram kepada Rasul-Nya dan kepada orang-orang yang beriman." Ketenangan lebih mudah dicapai apabila suami isteri menyesuaikan kehidupan perkahwinan mereka berdasarkan nilai-nilai agama. Keadaan ini seterusnya menjadi pamacu untuk menangani pelbagai cabaran dengan lebih positif. Hasil dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa majoriti informan telah melakukan perubahan dalam penyesuaian perkahwinan melalui nilai-nilai agama selepas menyertai kursus tersebut.

4.2.6 Tahap Tingkah Laku (Cinta dan Kasih Sayang)

Jadual 6 memaparkan taburan min dan sisihan piawai untuk item dalam elemen cinta dan kasih sayang bagi pembolehubah tingkah laku. Analisis menunjukkan nilai min semua item berada pada tahap sangat tinggi. Keputusan ini menggambarkan responden mampu mempraktikkan cinta dan kasih sayang kepada pasangan selepas mengikuti kursus tersebut.

Jadual 6: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Cinta dan Kasih Sayang dalam Pembolehubah Tingkah Laku.

Items	Min	Sisihan Piawai
Pernikahan saya didasari oleh perasaan cinta	6.03	1.194
Saya merasa tenang ketika di sisi pasangan	6.24	1.102
Saya menunjukkan perasaan sayang saya kepada pasangan	6.33	.918
Pasangan saya memiliki fizikal yang menarik	6.09	1.239
Saya merasa kasihan sekiranya sesuatu yang buruk menimpa pasangan	6.58	.759

Dapatan kajian tersebut disokong oleh hasil temu bual yang mengenal pasti lima tema utama iaitu saling menghargai, bekerjasama, komunikasi positif, hubungan intim dan meluangkan masa bersama pasangan. Informan IP1 pula menzahirkan cinta dengan cara menghargai pasangannya. Berikut merupakan petikan pandangan informan:

“Ha, itulah yang paling penting, kita kena hargai pasangan kita, hormati dia sebagai suami dan dia suami pun kena tahu isteri ni sebagai apa kan, sama-sama, dia tak boleh sebelah pihak je, sebab tu lah bila buat kursus-kursus macam gini, kena terus terang, depan-depan, cakap betul-betul, bukan hanya fokuskan pada suami saja, pada isteri juga, kena dua-dua, ha barulah masuk sikit bila orang lain yang bercakap tu”.(Informan IP1)

Informan IL2 mempraktikkan cinta dengan membantu isteri melakukan kerja rumah tangga seperti yang dinyatakan dalam petikan informan berikut:

“Saya bantu dia kat dapur. Kalau dia letih, saya masakkan. Saya bantu anak-anak buat homework, tolong dia kalau dia suruh. Dia pernah kata kat saya, kalau saya tolong dia kat rumah walaupun sikit dia rasa bahagia dah. Jadi saya buatlah apa yang dia suka tu”.(Informan IL2)

Dapatan kajian menunjukkan informan IP5 menzahirkan cintanya melalui komunikasi positif seperti berterus terang, bercakap dengan lemah lembut, tidak menyalahkan pasangan, sering berbincang dan banyak mengalah. Petikan pendapatnya adalah seperti berikut:

“Saya cuba sedaya upaya semampu saya untuk laksanakan tugas saya sebagai isteri dan ibu. Bagi saya, part komunikasi lah. Kalau tak puas hati, terus terang dengan suami tapi tengok keadaan suami lah. Kalau mood dia tak ok balik kerja. Saya tak cakap lagi,

bagi dia ok dulu tapi kalu cakap, cakap dengan nada lemah lembut, tak salahkan dia tapi ajak berbincang la. Kadang kalau gaduh, saya lebih rela senyap dulu la”.(Informan IP5)

Dapatan kajian menunjukkan informan IL4 menzahirkan cintanya kepada pasangan melalui hubungan intim. Petikan pendapatnya seperti berikut:

“Melalui sentuhan, hubungan seks, tolong dia kat rumah. Kalau merajuk, payah juga nak pujuk, saya biar je dulu tapi saya lebih menerima ja dulu. Kalau geram sangat, saya keluar rumah sekejap. Takut terkeluar dari mulut ni benda tak elok. Kadang tindakan isteri mencabar saya”.(Informan IL4)

Informan IP3 menyatakan bahawa beliau meluangkan masa bersama pasangan terutamanya pada waktu malam seperti bersempang dan melakukan aktiviti bersama. Berikut merupakan petikan informan:

“Saya banyak luangkan masa bersama suami terutama bila malam, lepas semua dah balik kerja, rehat semua, sembang-sempang, bercakap lemah lembut dengan dia, buat aktiviti sama-sama dengan pasangan”.(Informan IP3)

4.2.7 Tahap Tingkah Laku (Hubungan Intim)

Jadual 7 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi item dalam elemen hubungan intim di bawah pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapati bahawa item “saya menjaga perlakuan seks supaya tidak melanggar batasan agama” mencatat nilai min tertinggi iaitu 6.51. Item ini diikuti oleh “saya melakukan hubungan intim dengan pasangan mengikut persetujuan bersama” dengan nilai min 6.32. Nilai min ketiga tertinggi (6.24) pula diperoleh oleh item “saya merasa tenang selepas melakukan hubungan intim dengan pasangan”.

Sebaliknya, item yang mencatat nilai min paling rendah ialah “saya mengutamakan kepuasan seks diri sendiri berbanding pasangan” dengan nilai 2.22. Item ini menunjukkan bahawa responden tidak mementingkan kepuasan diri sendiri semata-mata dalam hubungan intim. Selain itu, item “saya suka mengelakkan diri daripada berhubungan intim dengan pasangan” memperoleh nilai min 2.48, menunjukkan bahawa responden tidak mengelakkan diri daripada berhubungan intim. Item “saya suka memendam masalah seksual saya supaya tidak diketahui pasangan” pula mencatat nilai min 2.50, menunjukkan bahawa responden lebih cenderung untuk berbincang tentang masalah seksual dengan pasangan. Secara keseluruhannya, analisis menunjukkan bahawa responden telah melakukan perubahan positif dalam hubungan intim selepas mengikuti kursus tersebut.

Jadual 7:Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Hubungan Intim dalam Pembolehubah Tingkah Laku.

Items	Min	Sisihan Piawai
Saya melakukan hubungan intim dengan pasangan mengikut persetujuan bersama	6.32	.988
Saya merasa tenang selepas melakukan hubungan intim dengan pasangan	6.24	.950
Saya suka mengelakkan diri daripada berhubungan intim dengan pasangan	2.48	1.689
Saya suka memendam masalah seksual saya supaya tidak diketahui pasangan	2.50	1.689
Saya mengutamakan kepuasan seks diri sendiri berbanding pasangan	2.22	1.441
Saya berpuas hati dengan layanan seks yang diberikan oleh pasangan	5.78	1.322
Saya berusaha memenuhi keperluan seks pasangan saya	6.12	.928
Saya menjaga perlakuan seks supaya tidak melanggar batasan agama	6.51	.800

Kenyataan tersebut disokong oleh hasil dapatan temu bual yang menunjukkan bahawa terdapat empat tema yang muncul daripada tanggungjawab kesihatan seksual dan reproduktif iaitu kejujuran, pengambilan makanan yang sedikit, kerelaan dan pematuhan terhadap hukum agama.

Penemuan kajian mendapati bahawa informan IL2 melaksanakan tanggungjawab seksual dengan bersikap jujur melalui perbincangan bersama pasangan. Berikut merupakan petikan pendapatnya:

“Saya rasa kalau bahagian ni, saya lebih tanya pasangan. Bincang hati ke hati. Saya cuba fahamkan apa yang saya nak, saya bagitahu dia, dia pun macam tu”(Informan IL2)

Dalam Islam, hubungan intim yang baik antara suami dan isteri perlu dibina atas dasar perbincangan kerana ia merupakan hak bersama. Tujuannya adalah untuk memastikan kebaikan dinikmati oleh kedua-dua pihak. Sekiranya salah satu pihak mengabaikan hak pasangannya, perbuatan tersebut dianggap berdosa.

Hasil kajian turut menunjukkan bahawa informan IL3 menjaga kesihatan seksual dengan mengurangkan pengambilan makanan sebelum melakukan hubungan. Berikut merupakan petikan pandangannya:

“Tidak makan terlalu banyak sebelum berhubungan seks”(Informan IL3)

Informan IP5 menyatakan bahawa hubungan intim dalam perkahwinan mereka tidak dilakukan secara paksaan sama ada daripada pihaknya sendiri mahupun pihak suami. Berikut merupakan petikan pendapatnya:

"Alhamdulillah ada perubahan lepas kursus. Hubungan tu lebih tak de paksaan. Cuba meraikan dia. Dalam hal ni, kami bincang apa yang dia suka, apa yang saya suka. Pasal kesihatan reproduktif, kami merancang jugak. Rasa anak 4 orang termasuk dalam kandungan ni, rasa cukup setakat tu je".(Informan IP5)

Penemuan ini menunjukkan bahawa informan memahami hak berhubungan intim sebagai hak bersama dan mampu meraikan hak pasangannya.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa informan mematuhi hukum agama dalam menjalankan hubungan intim. Berikut merupakan petikan informan:

"Ya saya buat tanggungjawab saya sebagai isteri, dalam hubungan kelamin kami. Saya ikut je dia kalau saya ok, saya sihat, saya tak penat. Kalau saya tak ok, saya bagitahu terus terang je. Saya cuba la fahami apa yang dia nak. Dia pun sama. Apa yang saya tak suka dalam buat hubungan, tak buat dalam terpaksa. Dia pun tak paksa saya dan tak buat ganas la pada saya. Kami tak buat benda yang Islam larang".(Informan IP2)

"Kami tak merancang pun. Kalau ada rezeki anak, alhamdulillah kami terima dan seronok lah. Walaupun saya ada belajar dalam kursus tu pasal merancang keluarga tapi kami tak apply pun. Kami serah pada Allah je. Kami malas nak merancang tapi saya juga la adab-adab hubungan intim dengan suami agar tak langgar hukum agama".(Informan IP4)

Islam memberikan perhatian serius terhadap hukum agama dan adab-adab dalam hubungan intim bagi menghindari keganasan seksual. Rasulullah SAW turut menasihati suami isteri agar bertakwa kepada Allah SWT dalam urusan yang melibatkan pasangan melalui hadis baginda SAW:

فَاتَّقُ اللَّهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخْذَنُوهُنَّ وَاسْتَحْلِلُوهُنَّ فَرُوْجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ

Terjemahan: Bertakwalah kamu kepada Allah dalam (urusan-urusan) wanita (isteri). Sungguh kalian telah mengambil mereka dengan amanah dari Allah SWT dan kamu telah menghalalkan kemaluan-kemaluan mereka dengan kalimat Allah SWT.

Riwayat al-Muslim, no 2433

Suami isteri merupakan individu yang paling mengetahui rahsia rumah tangga mereka. Tanpa sifat takwa atau perasaan takut kepada Allah SWT, seseorang mungkin terdorong untuk melakukan kekejaman tanpa belas kasihan. Salah satu ciri orang yang bertakwa ialah keyakinan bahawa Allah SWT Maha Melihat segala perbuatan sama ada yang dilakukan secara terang-terangan mahupun secara

tersembunyi. Oleh itu, suami isteri perlu memiliki kesedaran yang tinggi dan rasa gerun terhadap Allah SWT kerana segala urusan berkaitan pasangan akan dipersoalkan di akhirat kelak. Menurut Ummi Hani Abu Hassan dan Nor Raudah Siren (2020), takwa merangkumi perasaan cinta, kasih sayang, harapan, cemas, takut, tawakal, reda, berani dan melakukan amal soleh. Amalan-amalan ini perlu dilaksanakan sebagai benteng diri daripada melakukan kezaliman terhadap pasangan.

4.2.8 Tahap Tingkah Laku (Pergaulan Baik)

Jadual 8 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi item dalam elemen pergaulan baik dalam pembolehubah tingkah laku. Hasil analisis mendapat bahawa kebanyakan item mencatatkan nilai min yang tinggi. Item dengan nilai min tertinggi ialah “saya boleh bergurau dengan pasangan” (6.40), diikuti oleh “saya menjaga maruah pasangan” (6.34). Nilai min ketiga tertinggi ialah 6.33, masing-masing bagi item “saya suka memberi ucapan terima kasih apabila pasangan selesai melakukan sesuatu kerja dalam rumah tangga” dan “saya memanggil pasangan dengan panggilan yang disukainya”.

Terdapat juga beberapa item yang menunjukkan tahap sederhana dan agak rendah. Contohnya, item “saya suka memendam perasaan walaupun saya tidak berpuas hati dengan pasangan” mencatatkan nilai min 3.60, menunjukkan bahawa responden cenderung untuk tidak memendam perasaan. Item “saya mudah menyalahkan pasangan apabila berdepan dengan masalah rumah tangga” pula mencatatkan nilai min 3.03, menggambarkan bahawa responden tidak mudah menyalahkan pasangan dalam menghadapi konflik rumah tangga. Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa responden mengamalkan pergaulan baik dengan pasangan selepas menghadiri kursus tersebut.

Jadual 8: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pergaulan Baik dalam Pembolehubah Tingkah Laku.

Items	Min	Sisihan Piawai
Saya menjaga penampilan diri ketika pasangan di sisi saya	5.85	1.086
Saya sabar melayani karenah pasangan	5.97	1.083
Saya memberi hadiah kepada pasangan ketika ulang tahun kelahirannya	6.01	1.019
Saya menjadikan pasangan sebagai sahabat baik saya	6.29	1.011
Saya berlapang dada menerima tingkah laku pasangan yang tidak saya suka	5.69	1.308
Saya suka memberi ucapan terima kasih apabila pasangan selesai melakukan sesuatu kerja dalam rumah tangga	6.33	.980

Saya memberikan ruang kepada pasangan untuk berbincang tentang sesuatu perkara	6.25	.867
Saya mudah menyalahkan pasangan apabila berdepan dengan masalah rumah tangga	3.03	1.782
Saya merancang perbelanjaan keluarga bersama pasangan	5.78	1.206
Saya suka memendam perasaan walaupun saya tidak berpuas hati dengan pasangan	3.60	2.003
Pasangan saya berbelanja dengan tidak berhemah	3.01	1.814
Saya memaafkan pasangan apabila pasangan melakukan kesalahan	6.08	.952
Saya boleh bersabar ketika pasangan sedang marah	5.58	1.252
Saya akan memastikan badan dalam keadaan bersih apabila pasangan ada bersama saya	6.03	.980
Saya berkongsi masalah saya dengan pasangan	6.10	.981
Saya suka berterus terang apabila tidak berpuas hati dengan pasangan	5.83	1.153
Saya menjaga maruah pasangan	6.34	.843
Saya menasihati pasangan apabila pasangan melakukan kesalahan	6.13	.813
Saya percaya kepada pasangan	6.21	1.076
Saya membahagikan tugas rumah tangga bersama pasangan	5.86	1.280
Saya membuat keputusan rumah tangga berdasarkan hasil perbincangan bersama pasangan	6.13	1.034
Saya boleh bergurau dengan pasangan	6.40	.842
Saya berkata lembut dengan pasangan	5.75	1.197
Untuk diisi oleh suami sahaja:		
Saya menyediakan tempat tinggal yang selesa kepada isteri	6.10	1.266
Untuk diisi oleh isteri sahaja:		
Saya mempunyai tempat tinggal yang selesa bersama pasangan		
Saya memiliki simpanan kewangan untuk masa depan keluarga saya	5.52	1.365
Untuk diisi oleh suami sahaja: Saya membiayai ahli keluarga setiap bulan mengikut ajaran Islam	6.12	1.126
Saya memanggil pasangan dengan panggilan yang disukainya	6.33	.970
Saya suka meluangkan masa bersama pasangan	6.31	.904
Untuk diisi oleh suami sahaja:	6.20	.928

Saya memberikan keperluan asas rumah tangga mengikut kemampuan saya Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya mendapat keperluan asas yang mencukupi daripada pasangan		
Saya memberikan sokongan moral kepada pasangan apabila berdepan dengan masalah	6.13	1.071
Untuk diisi oleh isteri sahaja: Pasangan menyedari keperluan saya dalam rumah tangga	6.00	1.262
Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya berasa cukup terhadap nafkah perbelanjaan yang diberikan oleh pasangan	6.25	1.205
Untuk diisi oleh isteri sahaja: Saya tidak berkira untuk berbelanja kepada keluarga sekiranya saya mempunyai wang	5.97	1.127

4.2.9 Tahap Hasil (Pencapaian Organisasi)

Jadual 9 menunjukkan taburan min dan sisihan piawai bagi item dalam elemen pencapaian organisasi dalam pembolehubah hasil. Berdasarkan analisis, item dengan nilai min tertinggi ialah “kursus ini memberikan motivasi untuk mewujudkan sebuah keluarga bahagia” (6.25). Item kedua tertinggi ialah “kursus ini memberi kesedaran tentang tanggungjawab suami isteri yang sebenar” dengan nilai min 6.00. Sementara itu, item ketiga tertinggi mencatatkan nilai min 5.97 iaitu “kursus ini memberi pendedahan tentang kemahiran suami isteri dalam menguruskan kehidupan berkeluarga”. Dapatkan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden memperoleh kesan yang positif selepas mengaplikasikan ilmu daripada kursus ke dalam rumah tangga.

Jadual 9: Taburan Min dan Sisihan Piawai untuk Item bagi Elemen Pencapaian Organisasi dalam Pembolehubah Hasil.

Items	Min	Sisihan Piawai
Kursus ini memberi kesedaran tentang tanggungjawab suami isteri yang sebenar	6.00	1.262
Kursus ini memberi motivasi untuk mewujudkan sebuah keluarga bahagia	6.25	1.205
Kursus ini memberi pendedahan tentang kemahiran suami isteri dalam menguruskan kehidupan berkeluarga	5.97	1.127
Kursus ini bermanfaat untuk kami lebih mengharmonikan lagi hubungan suami isteri	5.95	1.074

4.3 Kedudukan antara Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus

Hasil analisis menunjukkan bahawa tahap tingkah laku mencatat nilai min tertinggi (5.83), diikuti oleh tahap hasil dengan nilai min 5.79. Tahap reaksi berada di kedudukan ketiga dengan min 5.73 manakala tahap pembelajaran mencatat nilai min paling rendah iaitu 5.51. Dapatkan ini menunjukkan bahawa responden melakukan perubahan positif dalam hubungan suami isteri selepas menyertai kursus tersebut. Penemuan ini selaras dengan dapatan Mohd Faizal Mohd Isa et al. (t.t) yang merumuskan bahawa keberkesanan sesuatu kursus dapat diukur melalui amalan peserta selepas menghadiri kursus dan pencapaian objektif program latihan. Oleh itu, matlamat JAKIM untuk membantu suami isteri mengurangkan konflik melalui kursus ini didapati telah tercapai. Jadual berikut menunjukkan kedudukan antara tahap-tahap keberkesanan kursus:

Jadual 10: Kedudukan Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus

Pembolehubah	Min	Sisihan Piaawai
Tahap Tingkah Laku	5.83	.703
Tahap Hasil	5.79	1.138
Tahap Reaksi	5.73	.884
Tahap Pembelajaran	5.51	1.123

4.4 Perbezaan Demografi Responden Terhadap Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus

Hasil analisis Anova Sehala menunjukkan bahawa hanya pemboleh ubah demografi bilangan anak memberikan perbezaan yang signifikan terhadap tahap reaksi, tahap tingkah laku dan tahap hasil responden. Sebaliknya, umur, tahap pendidikan tertinggi, tahap pendidikan agama, status pekerjaan dan pendapatan tidak menunjukkan sebarang perbezaan yang signifikan terhadap semua tahap yang dikaji. Dapatkan ini mencadangkan bahawa kehadiran anak berperanan dalam mempengaruhi tingkah laku suami isteri dan memberi kesan positif kepada hubungan mereka.

Dalam konteks Islam, Surah al-Rūm ayat 21 menggambarkan keharmonian rumah tangga terletak pada unsur *rahmah*. Fakhr al-Rāzī (1420) menjelaskan bahawa *rahmah* mula muncul apabila pasangan telah dikurniakan anak. Sifat ini membentuk rasa saling memerlukan, belas kasihan terhadap pasangan yang berada dalam kesusahan, sikap suka membantu, toleransi, penghargaan dan penerimaan terhadap pasangan seadanya (Siddiq Hassan Khan, 1990). Penemuan ini turut disokong oleh Zakiyah Jamaluddin dan Ismail Kiprawi (t.t) yang mendapati bahawa hubungan ibu bapa yang kukuh melalui kasih sayang, kefahaman dan perhatian terhadap anak-anak dapat mengurangkan kecenderungan anak-anak melakukan tingkah laku negatif.

Jadual 11: Anova Satu Hala untuk menentukan perbezaan antara demografi responden dan tahap-tahap keberkesanan kursus

Tahap-Tahap Keberkesanan	Demografi responden	Df	Mean Square	F (Statistik Levene)	P (Nilai signifikan pada dan kurang daripada 0.05)	Perbandingan
Tahap Reaksi	Umur	5	.632	.801	.551	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Tertinggi	7	.640	.808	.583	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Agama	5	.640	.811	.544	Tidak signifikan
	Status Pekerjaan	6	.997	1.298	.265	Tidak signifikan
	Bilangan Anak daripada Perkahwinan Terkini	4	2.580	3.642	.008	Signifikan
	Pendapatan	10	.414	.505	.883	Tidak signifikan
Tahap Pembelajaran	Umur	5	1.462	1.168	.330	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Tertinggi	7	1.847	1.515	.171	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Agama	5	1.620	1.302	.269	Tidak signifikan
	Status Pekerjaan	6	1.429	1.141	.344	Tidak signifikan
	Bilangan Anak daripada Perkahwinan Terkini	4	2.678	2.223	.072	Tidak signifikan
	Pendapatan	10	.843	.645	.771	Tidak signifikan
Tahap Tingkah Laku	Umur	5	.765	1.594	.169	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Tertinggi	7	.236	.460	.861	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Agama	5	.314	.624	.682	Tidak signifikan

	Status Pekerjaan	6	.618	1.271	.278	Tidak signifikan
	Bilangan Anak daripada Perkahwinan Terkini	4	4.344	12.833	.000	Signifikan
	Pendapatan	10	.130	.243	.991	Tidak signifikan
Tahap Hasil	Umur	5	.859	.652	.660	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Tertinggi	7	1.808	1.438	.199	Tidak signifikan
	Tahap Pendidikan Agama	5	.651	.490	.783	Tidak signifikan
	Status Pekerjaan	6	1.420	1.104	.366	Tidak signifikan
	Bilangan Anak daripada Perkahwinan Terkini	4	5.877	5.298	.001	Signifikan
	Pendapatan	10	2.202	1.840	.064	Tidak signifikan

4.5 Hubungan Antara Tahap-Tahap Keberkesanan Kursus

Analisis ujian korelasi Spearman mendapati bahawa kesemua tahap mempunyai hubungan yang positif, menandakan kaitan yang saling mempengaruhi antara satu sama lain. Hubungan paling kukuh direkodkan antara tahap reaksi dan tahap pembelajaran dengan nilai pekali korelasi $r = .755$ dan nilai $p = .000$ ($p < .01$) yang menunjukkan hubungan kuat dan positif. Dapatkan ini menunjukkan bahawa peserta berpuas hati dengan kursus, mampu memperoleh dan memahami ilmu yang disampaikan.

Hasil temu bual turut menyokong penemuan ini apabila majoriti responden menyatakan mereka memperoleh pengetahuan daripada kursus tersebut. Sebaliknya, hubungan paling lemah direkodkan antara tahap pembelajaran dan tahap tingkah laku dengan nilai pekali korelasi $r = .395$, $p = .000$ iaitu hubungan sederhana dan positif. Ini menunjukkan bahawa tidak semua peserta mengaplikasikan ilmu yang diperoleh daripada kursus dalam kehidupan berumah tangga.

Jadual 12: Hubungan antara Tahap-Tahap Keberkesanan

		TR	TP	TTL	TH
Spearman's rho	TR	Correlation Coefficient	1.000	.755**	.507**
		Sig. (2-tailed)	.	.000	.000
		N	104	104	104
TP	Correlation Coefficient	.755**	1.000	.395**	.515**
	Sig. (2-tailed)	.000	.	.000	.000
	N	104	104	104	104
TTL	Correlation Coefficient	.507**	.395**	1.000	.495**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.	.000
	N	104	104	104	104
TH	Correlation Coefficient	.544**	.515**	.495**	1.000
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.
	N	104	104	104	104

TR=Tahap Reaksi, TP=Tahap Pembelajaran, TTL=Tahap Tingkah Laku, TH=Tahap Hasil

5.0 Kesimpulan

Kajian mendapati bahawa kursus tersebut berkesan dalam mengukuhkan hubungan suami isteri dan wajar diteruskan pada masa akan datang. Pelaksanaannya dicadangkan agar diselaraskan di semua negeri dan dijalankan secara berkala setiap tahun. Penyertaan terbuka kepada semua pasangan suami isteri namun disarankan agar ia diwajibkan bagi peserta yang dirujuk melalui Unit Runding Cara di setiap negeri.

JAKIM dan JAIN disaran mempergiat usaha penyebaran maklumat kursus kepada masyarakat bagi meningkatkan tahap penyertaan. Selain itu, penambahan modul baharu berkaitan jenayah keganasan rumah tangga dan perundangannya perlu dipertimbangkan agar pasangan mendapat pendedahan tentang isu tersebut serta cara menanganinya. Modul berkaitan pengurusan kesihatan mental juga disyorkan untuk dimasukkan sebagai sebahagian daripada usaha menyeluruh membina kesejahteraan rumah tangga.

Penghargaan

Penghargaan setinggi-tingginya ditujukan kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya atas sokongan melalui Geran Penyelidikan Khas (GKP) di bawah projek bertajuk "Teori dan Realiti Hubungan Suami Isteri dalam Masyarakat Muslim di Malaysia: Kajian Keberkesanan Kursus Pasca Perkahwinan Islam" (UMG017L-2022).

Rujukan

- Abū ‘Abdullah Muhammad Fakhr al-Dīn al-Rāzī. (1420). *Al-Tafsir al-Kabīr*. Bīrūt: Dār Ihya’ al-Turath al-‘Arabī. 25(91)
- Aljawharah Alsalamah dan Carol Callinan. (2021). Adaptation of Kirkpatrick’s Four-Level Model of Training Criteria to Evaluate Training Programmes for Head Teachers. *Educ. Sci.* 11
- Aqilah Mior Kamarulbaid. 2022. Abai Nafkah Isteri, Anak Punca Cerai. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2022/01/abai-nafkah-isteri-anak-punca-cerai/> 16 Jun 2023
- Azizah Mohd Rapini, Zanariah Dimon, Nora’inan Bahari, Nawal Solehuddin, Nur Dayana Mohd Khalil & Nurhidayah Muhammad Hashim. (2022). Keperluan Pembinaan Modul Kursus Pembangunan Keluarga Islam Mesra Oku Pendengaran: Analisis Isu-Isu Berkaitan. *Jurnal Pengajian Islam* Vol 15. Isu 2, hlm. 213-224
- Bernama. 2016. Jakim Lancar Modul Pascaperkahwinan Islam, Perkukuh InstitusiKekeluargaan. <https://www.utusanborneo.com.my/2016/03/04/jakim-lancar-modul-pascaperkahwinan-islam-perkukuh-institusi-kekeluargaan> 13 Ogos 2022
- Bernama. 2023. Masalah Kewangan Punca Kes Cerai Tinggi. <https://www.sinarharian.com.my/article/29843/berita/nasional/masalah-kewangan-punca-kes-cerai-tinggi> 16 Jun 2023
- Ercy Gracella Ajos. 2023. Rombak Modul Kursus Paperkahwinan. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/04/1092445/rombak-modul-kursus-praperkahwinan> 17 Jun 2023
- Hamid Mohamad Asanar et al. (2021). Pencetus Utama Konflik Perkahwinan Sepanjang Fasa Pertama Perkahwinan Dalam Kalangan Pasangan Muda: Kajian Kes Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *International Journal For Studies On Children, Women, Elderly And Disabled*
- John R. Baker. (2023). The Effects of Text Length on the Readability of Model Essays. *GEMA Online Journal of Language Studies* Vol 23. Isu 1, hlm. 60-73
- K.Mohan Kathan & Roslinda Rosli. (2019). The Effectiveness of SM Aeromech For Enhancing Student’s Achievement in Mathematics. *GJAT Special Issue*, hlm.123-132
- Konvensyen Keluarga Sakinah Capai 15 Resolusi Bagi Mendepani Cabaran Dan Isu-Isu Semasa Kekeluargaan. 2022. <http://umktv.umk.edu.my/global/353-konvensyen-keluarga-sakinah-capai-15-resolusi-bagi-mendepani-cabaran-dan-isu-isu-semasa-kekeluargaan.html> 2 Februari 2022
- KPWKM cadang wujudkan kursus pasca perkahwinan. 2022. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-cadang-wujudkan-kursus-pasca-perkahwinan-286518> 2 Februari 2022

- Latifah Arifin. 2021. Pengurusan Komunikasi Lemah Antara Punca Cerai. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/864890/pengurusan-komunikasi-lemah-antara-punca-cerai> 16 Jun 2023
- Mohd Faizal Mohd Isa, Wan Shakizah Wan Mohd Noor & Zulkiflee Daud. (t.t) Faktor Jurulatih Mempengaruhi Keberkesanan Latihan: Satu Kajian Empiris Di Jabatan Meteorologi Malaysia. School of Business Management College of Business, Accounting Building Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah
- Noorazura Abdul Rahman. 2023. Kehadiran Orang Ketiga Punca Perceraian Meningkat di Kedah. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1077046/kehadiran-orang-ketiga-punca-perceraian-meningkat-di-kedah> 16 Jun 2023.
- Nur Iftitah Rozlan. 2023. Kadar Perceraian Membimbangkan. <https://www.sinarharian.com.my/article/241595/berita/nasional/kadar-perceraian-membimbangkan> 16 Jun 2023
- Rosalinda Md. Said. 2022. Tiada tanggungjawab, Lemah Agama Punca Utama Cerai di Terengganu. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/03/tiada-tanggungjawab-lemah-agama-punca-utama-cerai-di-terengganu/> 16 Jun 2023
- Rosman Md Yusoff, Kassim Thukiman dan Fadilah Ismail. (2011). Keberkesanan Pelaksanaan Program Modul Keluarga Sakinah Di Negeri Johor. Disertasi sarjana, Universiti Teknologi Mara.
- Sa`id `Abd al-`Azim. (2002). *Wa `Ashirūhunna Bil Ma`rūf*. Iskandariyah: Dar al-Imān.
- Shafiyah Iqlima Mohd Nadzri. (2020). Polemik Penceraian di Malaysia, Perspektif TSIS: Jabatan Kajian Politik Nasional & Antarabangsa. *Terengganu Strategic & Integrity Institute*, 15, hlm. 8-9
- Sharifah Nur Nusrah Syed Yassin dan Suhaili. (2018). Pengurusan Kewangan Keluarga Dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim Di Malaysia. Seminar Penyelidikan Antarabangsa Pengurusan dan Inovasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siddiq Hassan Khan. (1990). *Fath al-Bayān fi Maqāsid al-Qur’ān*. Kuwait: Dār al-Fikr al-‘Arabi. 7(245)
- Uma Sekaran. (2003). *Research Methods For Business: A Skill-Building Approach*. United States of America: John Wiley & Sons, Inc.
- Zainiah Mohamed Isa, Juppri Bacotang & Mazlina Che Mustafa. (2021). Kesan Modul Literasi Awal Terhadap Pencapaian Kemahiran Literasi Awal Bagi Kanak-Kanak Taska. GJAT Vol 11. Isu 1, hlm. 62-72
- Zakiyah Jamaluddin & Ismail Kiprawi. (t.t). Ikatan Dan Kawalan Ibu Bapa Terhadap Tingkah Laku Delinkuens Jabatan Kerja Sosial Fakulti Pembangunan Sosial Dan Manusia Universiti Utara Malaysia